

Nasihat pada atlet

Oleh **MARZITA ABDULLAH**
kampus@utusan.com.my

ATLET negara terutama yang masih meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) diingatkan tidak terlibat dalam kegiatan tidak sihat.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Tan Sri Rozali Ismail** berkata, mereka sepatutnya perlu berusaha memantapkan pencapaian masing-masing sehingga ke peringkat antarabangsa.

“Kegigihan dan pengorbanan mereka amat diperlukan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis Anugerah Sukan UPM Ke-29

yang turut dihadiri Naib Canselor UPM, **Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi** dan **Tan Sri Dr. M. Jegathesan** di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, atlet skuasy kebangsaan, Siti Munirah Jusoh dan atlet memanah, Mohd. Kaharuddin Ashah diumumkan sebagai Olahragawati dan Olahragawan UPM.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman pula menerima Anugerah Tokoh Sukan UPM.

Dalam pada itu, Radin Umar berkata, lima pelajar UPM terpilih mewakili negara ke Sukan Olimpik 2012 di London iaitu atlet memanah, Cheng Chu Sian; atlet sukan terjun, Leong Mun Yee dan Cheang Jun Hoong; atlet lawan pedang, Yu Peang



ROZALI Ismail (kanan) dan Radin Umar Radin Sohadi beramah mesra bersama penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Sukan UPM ke-29, pada majlis penyampaian Anugerah Sukan UPM ke-29 di Dewan Banquet UPM, baru-baru ini.

Kean serta atlet angkat berat, Azizah Fadzil.

Beliau berkata, UPM sentiasa komited meningkatkan pencapaian negara dalam sukan antarabangsa dan ia terbukti melalui kutipan pingat yang diperolehi semasa Sukan SEA 2011.

“Daripada sejumlah 59 pingat emas yang dimenangi negara, 31 daripadanya dimenangi oleh atlet UPM,” katanya.

Sementara itu, jelas Jegathesan, UPM merupakan peneraju universiti sukan di negara ini berikutan pencapaian pelajarannya yang memberangsangkan dalam sukan tempatan dan antarabangsa.

“Universiti lain seharusnya mencontohi UPM yang berjaya melahirkan pelajar terbaik dalam sukan dan akademik melalui sokongan semua pihak di universiti ini,” katanya.